



Jururawat penerbangan kongsi kepuasan bantu pesakit di udara

► **HAIRIANTO DIMAN**
mdhairi@sph.com.sg

TUGAS seorang jururawat sering dijalankan di tempat tetap seperti klinik atau hospital.

Tempat tersebut lengkap dengan kemudahan perubatan yang diperlukan bagi menangani keadaan kesihatan pesakit.

Bagaimanapun, bagi Encik Muhammad Fadhil Ahmad, 30 tahun, tugasnya sebagai jururawat dijalankan ketika di udara.

Jururawat penerbangan dengan syarikat International SOS itu bertanggungjawab menyediakan bantuan perubatan bersama seorang lagi doktor dalam pesawat untuk pesakit yang dipindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain bagi mendapatkan rawatan perubatan.

“Sebagai jururawat penerbangan, saya membantu doktor penerbangan memberi jagaan kritikal kepada pesakit di dalam pesawat ambulans udara.

“Sebaik saja kami menerima panggilan bahawa ada pesakit yang memerlukan perhatian perubatan, saya terus sediakan barang perubatan yang diperlukan untuk dibawa ke dalam pesawat.

wat.

“Selepas semua persiapan selesai dilakukan, kami akan berangkat ke lokasi pesakit. Setibanya di lokasi itu, kami akan memeriksa keadaan pesakit dulu sebelum terbang ke lokasi untuk memberikan rawatan perubatan.

“Semasa dalam penerbangan, saya akan membantu doktor menjaga pesakit itu.

“Pendek kata, kami memastikan pesakit dijaga baik dari masa sebelum penerbangan, ketika penerbangan dan selepas penerbangan apabila kami akan menyerahkan pesakit kepada hospital,” kata Encik Muhammad Fadhil, yang menambah bahawa beliau telah terbang ke beberapa negara untuk mengambil pesakit termasuk Palau di Lautan Pasifik dan Senegal di barat Afrika.

Sebelum beliau bertugas sebagai jururawat penerbangan, beliau bekerja sebagai jururawat di hospital awam selama empat setengah tahun.

Disebabkan minat dalam bidang penjagaan kritikal, Encik Muhammad Fadhil, yang memiliki Diploma Kejururawatan daripada Politeknik Nanyang (NYP), tidak melepaskan peluang yang ada bagi menceburi bidang

jururawat penerbangan yang lebih khusus bersama International SOS.

CABARAN TUGAS

“Sememangnya ada perbezaan bertugas sebagai jururawat di darat dan udara.

“Antaranya adalah cabaran ruang bertugas yang lebih kecil di dalam ambulans udara. Saya dan doktor memastikan pesakit dan anggota keluarga yang ikut sama selamat dan selamat di udara bersama kami.

“Satu lagi perbezaan, di darat kami boleh mendapatkan bantuan daripada rakan sekerja jika diperlukan, tetapi di udara hanya ada saya dan doktor saja.

“Saya juga perlu memastikan semua barang perubatan yang diperlukan semasa penerbangan disiapkan sesuai dengan pelan persiapan yang dibuat,” ujar Encik Muhammad Fadhil yang telah bertugas dengan International SOS selama dua setengah tahun.

Mengongsi pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa bertugas, beliau berkata pernah mengalami keadaan bergelora di udara semasa penerbangan.

“Penerbangan itu singkat saja, sekitar satu setengah jam. Kami menghadapi keadaan bergelora di udara dan saya perlu memberi sokongan emosi kepada anggota keluarga yang ikut sama dalam penerbangan itu sambil menjaga pesakit.

“Saya tidak boleh panik.

“Kepuasan tugas jururawat penerbangan ini dirasakan apabila anggota keluarga pesakit memberi maklum balas positif dan pesakit dapat menjalani rawatan dengan lancar,” tambah Encik Muhammad Fadhil.

BUAT PERSIAPAN RAPI: Jururawat penerbangan, Encik Muhammad Fadhil Ahmad, yang bertugas dengan International SOS, dengan perkakas perubatan yang dibawa ke dalam pesawat. Bersama doktor, beliau memberi bantuan perubatan awal kepada pesakit yang perlu dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain untuk rawatan lanjut. – Foto IQBAL FAIZAL